

# JPS minta kerjasama MDSB atasi isu sampah

**SUNGAIBESAR** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabak Bernam memaklumkan bahawa pihaknya akan memohon kerjasama Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bagi menangani isu pembuangan sampah secara haram berhampiran rumah pam di tanah rizab milik mereka.

Jurutera Daerah JPS Sabak Bernam, Herman Tawil berkata, pihaknya tidak mempunyai sebarang kuasa bagi mengenakan tindakan terhadap

pihak tidak bertanggungjawab berkenaan yang membuang sampah di kawasan terbabit.

"Kita akan mohon bantuan MDSB memandangkan pihak mereka mempunyai kuasa bagi mengambil tindakan terhadap individu yang mengabaikan perkara ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, langkah berkenaan adalah bagi memastikan penduduk lebih peka dan tidak membuang sampah

di kawasan itu memandangkan tindakan golongan tidak bertanggungjawab itu mengganggu sistem saliran di parit berhampiran.

Katanya, penduduk seharusnya menyedari peranan menjaga kebersihan persekitaran bagi memastikan tiada kesan buruk berlaku pada masa hadapan.

"Penduduk harus bersama menjaga kebersihan di kawasan itu supaya sistem saliran di parit berhampiran

tidak terganggu jika berlakunya hujan lebat yang dapat mengakibatkan banjir," katanya.

Jumaat lalu, *Sinar Harian* melaporkan rungutan penduduk sekitar Jalan Sungai Panjang yang tidak selesa berikutan masalah longgokan sampah di tanah rizab milik JPS berkenaan.

Longgokan sampah berkenaan dilihat ditinggalkan di bahagian tepi jalan utama serta mengeluarkan bau busuk mengganggu penduduk setempat.



**HERMAN**